



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **8 Dis 2020 (Selasa)**

#### **Berita Harian**

31 individu terima darjah, bintang kebesaran 1

#### **Utusan Malaysia**

Kewajipan wakil rakyat kepada anda 2

#### **Kosmo**

31 individu bakal terima darjah kebesaran 3

Pembeli tunggu jawapan 16 Disember ini 4

#### **Sinar Harian**

31 individu terima darjah, bintang kebesaran Selangor 5

Laluan sungai kotor, penuh sampah 6

#### **The Star**

MBSJ to get public input for town park 7

COUNCIL MATTERS 8

#### **China Press**

Highways are still relatively calm after MCO is lifted; State and district crossing wave expected to appear during weekends 9

New Andalas cluster in Klang have contributed over 20 Covid-19 cases 10

Green environment, smooth traffic; Putra Heights park is like a crown jewel 11

Sekinchan environment beautification team clear out garbage to clean river 12

#### **Sin Chew Daily**

Many robberies in Cheras South Traders Square, police claimed that there were not many reports 13

Supermarket allows the non-halal department to open first, Lim Yau Mien: Resumption of alcohol sales depending on the situation 14

Teng Chang Khim retires, various parties wanted Ng Suee Lim, Selangor DAP expected to be reshuffle 15

Relieve the problem of water accumulation in the heightened road piers, construction of the SS2/55 road drainage ditch completed 16

NG Sze Han: In accordance with MKN SOP, Selangor lifted the limit on table seats 17

Facilitate business license renewal, MBPJ will set up a mobile counter from now on 18

Booster pump was turned on late because the key was not delivered, and water accumulated in the back streets of Rawang 19

Putra Heights Recreational Park opens, green development projects continue 20

Selangor Sultan cherishes the sacrifices on the road to fight the pandemic, 31 Dato and above titles canonize to the frontline 21

#### **Nanyang Siang Pau**

Parking summonses in Subang Jaya paid within 24 hours is RM10 22

#### **Oriental Daily**

Sultan of Selangor's Birthday Award 31 High Order 23

PKNS appoints Siti Zubaidah as its new CEO 24

#### **Makkal Osai**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



On Selangor Sultan birthday...



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 8 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	31 individu terima darjah, bintang kebesaran
Muka Surat	:	14

*Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Selangor*

# 31 individu terima darjah, bintang kebesaran

**Pengorbanan petugas barisan hadapan dihargai, turut dapat kurnia**

Oleh Norzamira Che Noh  
 bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Seramai 31 individu daripada 1,096 pencalonan terpilih untuk menerima darjah dan bintang kebesaran sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan yang ke-75 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris

Shah, Jumaat ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, berkata daripada 31 penerima berkenaan, dua orang menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Katanya, dua orang akan menerima Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S) yang membawa gelaran datuk setia bagi penerima lelaki dan datin paduka bagi wanita.

“Seramai 27 lagi individu menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) dan Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) yang akan membawa gelaran Datuk (lelaki) dan Datin

Paduka (wanita),” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, seramai 147 individu akan menerima darjah dan bintang kebesaran yang tidak membawa gelaran iaitu 30 orang Setia Mahkota Selangor (S.M.S); Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S) (29); Ahli Mahkota Selangor (A.M.S) (38); Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S) (40) dan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C), 10 orang.

Katanya, semua penerima sudah melepasi tapisan keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia (Keselamatan dan Jenayah), Jabatan Insolvensi dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mohd Amin berkata, pada ta-

hun ini, Sultan Selangor berkeinginan memenuhi kuota darjah dan bintang kebesaran negeri yang ditetapkan untuk dikurniakan kepada petugas barisan hadapan sebagai menghargai jasa, pengorbanan, dedikasi dan kecemerlangan dalam menggalas tanggungjawab ketika negara berdepan pandemik COVID-19.

“Selain itu, pingat kebesaran negeri seperti Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T); Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C); Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dan Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S) akan dikurniakan kepada petugas barisan hadapan (tentera, polis, bomba, kakitangan hospital) yang bertugas di Selangor,” katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 December 2020</b>		
Akbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kewajipan wakil rakyat kepada anda
Muka Surat	:	16

# Kewajipan wakil rakyat kepada anda

## MINDA PEGUAM

Oleh  
**Salleh Buang**



**S**EKIRANYA anda tanya seorang pengamal undang-undang mengenai kewajipan fidusiar seorang pengarah syarikat kepada syarikatnya dan pemegang syer syarikat tersebut, saya yakin dia boleh menjawabnya dengan mudah dan sempurna. Jawapannya terkandung dalam Seksyen 213 dan 214 Akta Syarikat 2016 (Akta 777) selain telah diuraikan secara lebih terperinci dalam ratusan kes oleh mahkamah.

Sebaliknya jika anda tanya pengamal undang-undang yang sama, apakah kewajipan fidusiar seorang wakil rakyat, ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kepada anda selaku orang yang mengundinya (memilihnya), tidak mustahil beliau sukar memberikan jawapan memuaskan.

Ini kerana kedudukan seorang wakil rakyat sebagai fidusiar kepada pengundi di kawasannya (*constituency*) tidak dinyatakan secara khusus dalam mana-mana peruntukan undang-undang.

Saya ditanya isu ini oleh seorang sahabat, hujung minggu lalu. Secara jujur saya nyatakan padanya bahawa saya tidak pasti. Apa yang dapat saya nyatakan kepadanya pada hari itu hanyalah satu pendapat peribadi hasil penelitian penulisan beberapa pakar luar negara mengenai isu tersebut.

Apabila saya soal balik sahabat saya itu kenapa dia ingin tahu, dia maklumkan satu kes sivil yang difailkan oleh 10 orang pengundi di kawasan Gombak, Selangor (selaku plaintiff) terhadap Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (selaku defendan) pada 1 Disember lalu.

Memandangkan kes itu kini sudah jadi *sub judice*, saya perlu berhati-hati membuat komen mengenai fakta kes yang mengikut laporan media tempatan adalah seperti berikut:

Kesemua plaintiff merupakan pengundi di kawasan Gombak yang telah mengundi defendan dalam



**SEORANG wakil rakyat ada hubungan fidusiar dengan pengundinya berasaskan prinsip amanah yang diletakkan ke atasnya untuk sentiasa bertindak mengutamakan kepentingan pengundinya, bukan mengutamakan kepentingan peribadinya. - UTUSAN/SHIDDIQI ZIN**

Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 2008, di mana akhirnya defendan berjaya menjadi Ahli Parlimen Gombak dan ADUN Bukit Antarabangsa.

Plaintif menyatakan dalam tuntutan bahawa defendan telah membuat representasi palsu dan membohongi mereka sewaktu berkempen, seterusnya memungkirkan kewajipan fidusiar terhadap mereka setelah menjadi wakil rakyat.

Antara representasi palsu defendan tersebut adalah kenyataannya bahawa partinya, Pakatan Harapan (PH) akan menggantikan Barisan Nasional (BN) dan menerajui Kerajaan Persekutuan. Kerana kerajaan BN telah melakukan pelbagai salah laku pada masa lalu, dan defendan serta PH akan memastikan segala salah laku itu ditangani sepenuhnya.

### LANGKAH SHERATON

Plaintif juga menyatakan defendan telah membuat pelbagai janji untuk melaksanakan reformasi di bawah pentadbiran PH, tetapi semuanya tidak berlaku kerana defendan telah merancang kejatuhan kerajaan PH menerusi 'Langkah Sheraton' pada 23 Februari lalu.

Plaintif juga menyatakan defendan telah bertindak bagi kepentingan dirinya, bukan bagi kepentingan pengundi di kawasan Gombak. Dan dengan itu defendan telah memungkirkan



**Seorang wakil rakyat juga hendaklah setia secara eksklusif (*owe an exclusive loyalty*) kepada pengundi kawasannya dengan mengutamakan kebajikan mereka."**

kewajipannya sebagai seorang pemegang amanah (*trustee*), bertentangan dengan segala representasi (janji) yang telah ditabur olehnya kepada pengundi, termasuklah mengaturnya dan melaksanakan 'Langkah Sheraton' dan bekerjasama dengan BN untuk menjatuhkan kerajaan PH.

Plaintif memohon beberapa perintah mahkamah, antaranya satu deklarasi bahawa defendan (selaku Ahli Parlimen Gombak) memikul satu kewajipan fidusiar atau kewajipan seorang pemegang amanah (*trustee*) berasaskan hubungannya dengan pengundi Gombak dan dia telah memungkirkan kewajipan tersebut.

Plaintif juga mohon satu deklarasi mahkamah bahawa defendan telah melakukan satu tort penipuan (*tort of deceit*) terhadap kesemua

plaintif, selain melanggar sumpah perlembagaannya. Plaintiff juga mohon ganti rugi daripada defendan.

Dalam laporannya mengenai kes ini, media tempatan menyatakan seramai 10 pengundi di Parlimen Gombak memfailkan saman terhadap defendan 'atas dakwaan menipu dan melanggar tanggung jawab sebagai ahli Parlimen' kawasan berkenaan sehingga menyebabkan kerajaan PH tumbang melalui Langkah Sheraton.

Media tempatan juga melaporkan kesediaan Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk tampil sebagai saksi bagi pihak plaintiff, andai mereka memerlukannya. Beliau dipetik sebagai berkata: "Saya melihat keberanian rakyat mempersoal kredibiliti dan integriti seorang ahli Parlimen seperti Mohamed Azmin sebagai satu proses memantapkan pendemokrasian negara."

### EKSKLUSIF

Mengikuti Laith K. Nasarwin, seorang Professor Undang-Undang Awam di Universiti Jordan, seorang wakil rakyat ada hubungan fidusiar dengan pengundinya, berasaskan prinsip amanah yang diletakkan ke atasnya untuk sentiasa bertindak mengutamakan kepentingan pengundi, bukan mengutamakan kepentingan peribadinya.

Tambah profesor undang-undang itu lagi, seorang

wakil rakyat memikul beban fidusiar untuk sentiasa bertindak secara jujur, berintegriti, suci hati (*good faith*) dan memelihara kepentingan pengundi (selaku benefisiari) yang sentiasa terdedah kepada risiko salah guna kuasa.

Selain itu, seorang wakil rakyat juga hendaklah setia secara eksklusif (*owe an exclusive loyalty*) kepada pengundi kawasannya dengan mengutamakan kebajikan mereka, bukan mengambil kesempatan daripada kedudukannya itu untuk mendapatkan keuntungan peribadi.

Tambahnya lagi, kewajipan fidusiar seorang wakil rakyat untuk sentiasa memelihara kebajikan pengundi di kawasannya adalah asas kepada sistem demokrasi representatif. Tanpa kewajipan fidusiar itu, tidak ada peranan untuk dimainkan oleh parti politik dan calon-calon mereka dalam sistem kerajaan berparlimen.

Kes yang difailkan oleh 10 pengundi Gombak terhadap defendan ini masih di peringkat awal lagi. Pastinya pasukan peguam defendan sedang mengatur strategi pembelaan dan jawapan mereka.

Sama-samalah kita tunggu perkembangan selanjutnya.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	31 individu bakal terima darjah kebesaran
Muka Surat	:	6

## 31 individu bakal terima darjah kebesaran

**SHAH ALAM** – Seramai 31 individu bakal menerima darjah dan bintang kebesaran sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-75 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Jumaat ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya berkata, dua daripada mereka akan dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Katanya, dua lagi akan memakai gelaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S).

"Seramai 27 individu pula bakal

menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) dan Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) yang membawa gelaran Datuk.

"Sultan Sharafuddin juga berkenan mengurniakan 147 individu darjah dan bintang kebesaran yang tidak membawa gelaran," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, semua penerima telah melepasi tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (Keselamatan dan Jenayah), Jabatan Insolvensi dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Mohd. Amin memberitahu, pihaknya menerima 3,000 cadan-



Sultan Selangor berkenan memenuhi kuota-kuota darjah dan bintang kebesaran negeri kepada petugas barisan hadapan."

**MOHD. AMIN**

gan dan daripada jumlah itu, 1,096 adalah pencalonan bagi darjah dan bintang kebesaran, manakala 1,904 pula melibatkan pencalonan pingat-pingat negeri Selangor.

"Sultan Selangor berkenan memenuhi kuota-kuota darjah

dan bintang kebesaran negeri kepada petugas barisan hadapan bagi menghargai jasa, pengorbanan, dedikasi dan kecemerlangan dalam menggalas tugas serta tanggungjawab tanpa mengira masa dalam memeringi Covid-19.

"Selain itu, pingat-pingat kebesaran negeri Selangor seperti Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T), Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C), Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dan Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S) akan dikurniakan kepada pasukan keselamatan termasuk tentera, polis, bomba, kakitangan hospital serta petugas barisan hadapan," katanya.



**SULTAN SHARAFUDDIN**



## KERATAN AKHBAR

8 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pembeli tunggu jawapan 16 Disember ini
Muka Surat	:	16

# Pembeli tunggu jawapan 16 Disember ini


**SHAH ALAM** – ‘Kami tunggu berita baik 16 Disember ini’. Demikian harapan 355 pembeli berhubung status perumahan Pangsapuri Rimau Indah Fasa 4 di sini yang terbengkalai sejak 19 tahun lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Projek Terbengkalai Pangsapuri Rimau Indah Fasa 4, Zairi Moh berkata, pihaknya mengharapkan satu jawapan yang konkrit daripada kerajaan negeri bagi menyelesaikan kemelet tersebut.

Katanya, pihaknya telah menghantar surat rasmi kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada 9 November lalu.

“Pada 16 November lalu, maklum balas yang diterima menyatakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, Pembangunan Usahawan, Rodziah Ismail akan menjawab mengenai status berkenaan dalam tempoh sebulan.

*Kosmo!* pada 8 November lalu melaporkan penantian para pembeli Pangsapuri Rimau Indah Fasa 4 di Bukit Rimau di sini untuk menduduki rumah idaman tertangguh



**ZAIRI menunjukkan maklum balas Menteri Besar Selangor berhubung status projek terbengkalai di Shah Alam semalam.**

apabila projek perumahan itu masih terbengkalai.

Projek perumahan yang mempunyai empat blok dan 350 unit itu dimulakan pada tahun 2001 dan dijadualkan siap 2005 sebelum terbengkalai.

Lebih menghairankan apabila tiada sebarang perkembangan projek walaupun dikatakan mendapat peruntukan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 8 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	31 individu terima darjah, bintang kebesaran Selangor
Muka Surat	:	22



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

### 31 individu terima darjah, bintang kebesaran Selangor

**SHAH ALAM** - Seramai 31 individu terpilih menerima darjah dan bintang kebesaran sempena ulang tahun keputeraan ke-75 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah 11 Disember ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, sebanyak 1,096 pencalonan diterima bagi darjah dan bintang kebesaran yang membawa gelaran Datuk dan Datuk Seri.

"Hanya 31 individu ataupun kira-kira tiga peratus terpilih daripada jumlah tersebut, dua orang menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran

Datuk Seri.

"Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) membawa gelaran Datuk Setia pula turut dianugerahkan kepada dua penerima manakala 11 individu menerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Datuk," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan, sebanyak 3,000 permohonan diterima bermula 16 Jun hingga 17 Ogos lalu termasuk 1,904 permohonan bagi pencalonan pingat-pingat Negeri Selangor.

"Sultan Sharafuddin telah memenuhi

kuota darjah dan bintang kebesaran yang ditetapkan untuk dikurniakan kepada petugas barisan hadapan *frontliners*.

"Ia sekali gus sebagai menghargai jasa, pengorbanan, dedikasi dan kecemerlangan dalam menggalas tugas serta tanggungjawab tanpa mengira masa bagi memerangi pandemik Covid-19," katanya.

Tambahnya, semua penerima melepasi tapisan keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia (Keselamatan dan Jenayah), Jabatan Insolvensi Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 December 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Laluan sungai kotor, penuh sampah
Muka Surat	:	23

# Laluan sungai kotor, penuh sampah

Lebih 200 nelayan Sungai Aur, Pandamaran dakwa kilang haram punca sungai itu tercemar

Oleh MUHAMMAD AMINURALIFF MOHD ZOKI

## KLANG

**L**ebih 200 nelayan di Sungai Aur, Pandamaran di sini mengeluh apabila beberapa kawasan di laluan sungai yang menjadi sumber rezeki mereka kini kotor dan dipenuhi sampah.

Mereka mendakwa kilang haram di sepanjang sungai berkenaan menjadi punca pencemaran kerana membuang pelbagai sampah sarap termasuk sisa binaan mengakibatkan air

keruh, busuk dan berlumpur. Lebih menyedihkan kejadian itu sudah berlarutan kira-kira enam tahun lalu dan sehingga kini tiada penyelesaian dilakukan.

Salah seorang nelayan, Tan Yong Siang, 58, berkata, dia dan nelayan lain akan melalui sungai itu untuk ke laut.

"Pemilik kilang haram membuang pelbagai sisa di sungai ini menyebabkan air semakin keruh dan sampah sarap berkumpul di tengah sungai menyebabkan laluan dipenuhi sampah," katanya *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, mereka hanya boleh menggunakan bot atau sampan melalui sungai berkenaan ketika air pasang bagi mengelakkan kipas bot rosak.

Yong Siang juga kecewa kerana pendapatan nelayan terjejas kerana sukar turun ke laut dan terpaksa menunggu air pasang.

Sementara itu, Ahli Majlis



Kedudukan Sungai Aur Pandamaran, Klang yang dipenuhi sampah sarap dan kotor.

Perbandaran Klang, Lee Fu Haw berkata, pencemaran sungai itu disebabkan oleh pencerobahan tanah kerajaan yang dijadikan tapak pelupusan sampah haram di sepanjang lengkok selat selatan kawasan Pandamaran di sungai itu.

Beliau berkata, pengusaha kilang haram mengambil peluang menggunakan tanah di ka-

wasan itu sehingga sungai menjadi semakin sempit dan sisa sampah mencemarkan air.

"Tindakan ini mengakibatkan nelayan menghadapi kesulitan mencari rezeki, kipas bot mereka tersangkut dan terperangkap dengan sisa sampah sarap.

"Saya mohon pihak berkuasa mengambil tindakan tegas

terhadap isu ini supaya nelayan dapat terus menyara kehidupan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor, Ng Sze Han mengutuk perbuatan pihak yang menyebabkan berlakunya pencemaran air sungai itu.

"Orang awam diminta membuat laporan kepada pihak berwajib seperti Majlis Perbandaran Klang, Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar jika mendapati ada pencerobohan.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda minimum RM200,000 hingga RM1 juta dan penjara tidak lebih tiga tahun.

"Ganjaran sebanyak RM20,000 untuk pemberi maklumat yang membawa kepada penangkapan penjenayah alam sekitar sehingga mereka disabitkan kesalahan di mahkamah," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 December 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBSJ to get public input for town park
Muka Surat	:	2

# MBSJ to get public input for town park

Online exercise for recreational space in Putra Heights will be held next year

By **JADE CHAN**  
 jade@thestar.com.my

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) will call for public participation to get ideas for a town park in Putra Point, Section 7 in Putra Heights.

"We welcome design suggestions and input from the community on what they want for this park," said Subang Jaya mayor Noraini Roslan.

"These include facilities, types of plants and activities to be held.

"A town park is typically a focal area or crown jewel of a township.

"So this will be a park by the people, ideally with elements of passive and active recreation, placemaking and secular economy," she said.

MBSJ's Corporate and Landscape departments will coordinate the call for ideas for the 2.8ha park located next to Putra Point Commercial Centre.

The exercise is expected to take place online next year.

Noraini said this after a site visit for the opening of Taman Rekreasi Putra Heights and handover of Dewan Camelia in Putra Permai, Section 10, by developer Sime Darby Property Bhd to MBSJ.

Effective Dec 1, MBSJ will be responsible for maintenance of the park and multipurpose hall.

Taman Rekreasi Putra Heights is a 3.2ha park located near the Putra

Heights LRT Station.

The linear park, measuring about 1km in length, connects to Kingsley Hill and runs parallel to the Elite Expressway.

It offers facilities such as a 600sqm play park, a basketball court, futsal court, 5km-long jogging and bicycle track, 4.5km-long tactile pathway, eight shelters, toilets as well as 47 parking bays for vehicles and motorcycles.

Construction of the RM5mil park began in June 2017, followed by some maintenance works in March 2018 before its handover this month.

Taman Rekreasi Putra Heights and Taman Kejiranan are the two main parks in Putra Heights.

There are also pocket parks within the many neighbourhoods of the 688ha township.

Meanwhile, Dewan Camelia is a 4,519.8sqm community hall located on 0.4ha land that was built at a cost of RM3.85mil.

Construction began in March 2017 and was completed in October this year.

It houses three badminton courts, a volleyball court, a stage, changing rooms, toilets, *surau* and audio facilities along with 30 parking bays.

"It will be nice if Taman Rekreasi Putra Heights is linked to the town



Taman Rekreasi Putra Heights offers facilities such as a 600sqm play park, a basketball court, futsal court, 5km-long jogging and bicycle track, and 4.5km-long tactile pathway. — Photos: FAIHAN GHANI/The Star

park, so that there is green connectivity between the two parks," said Noraini.

"Parks provide added value to a township.

"Recreational spaces are important for residents and help build communities.

"As for Dewan Camelia, I have requested that the developer build a direct access nearer to the shops (at Jalan Putra Permai 10/1e) so those who want to use the hall don't have to enter the gated housing area (via Jalan Putra Permai 10/1n) to access the facility," the mayor added.

Also present were Sime Darby group managing director Datuk Azmir Merican Azmi Merican, general manager (business unit 5) Simon Sivathanthan Thambyrajah and Kota Kemuning assemblyman V. Ganabattirau, who is also Selangor socio-economic development, social welfare, workers empowerment committee chairman.

During the site visit, the group made stops to check on a Rumah Selangorku project site in Putra Megah, Section 10, and a row of hawker stalls built along Jalan



Dewan Camelia in Putra Permai, Section 10, has three badminton courts as well as a volleyball court.

Petaling in Section 8.

According to Simon, the Rumah Selangorku project offers 1,700 affordable housing units that cost about RM170,000 per unit.

"The hawker stalls project is part of efforts to relocate roadside hawkers and offer them a permanent

place to trade," said Noraini.

"It is also a way of legalising the informal sector and encouraging entrepreneurs among the lower-income group.

"The items sold here are meant for takeaway only, as there won't be any dine-in space," she said.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **8 December 2020**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	3

### **COUNCIL MATTERS**

- > Subang Jaya City Council (MBSJ) will be setting up a mobile counter at Dewan Serbaguna MBSJ Seri Kembangan (SK10) today, for traders from the SK6, SK10 and Taman Sri Serdang markets to renew their business licences. Counters will be open from 9am to noon, and 2.45pm to 5pm.
- > All MBSJ bills, including assessment tax, rental and utility bills with a minimum RM10 charge, can be paid via e-wallet and at all payment counters in Shell, Petron and Petronas stations.
- > MBSJ is offering a special RM10 rate for traffic compounds settled within 24 hours, excluding cases that involve clamping, towing, heavy vehicles and abandoned vehicles. For details, visit [www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my) or call 03-8024 7700.
- > Petaling Jaya City Council will be having a mobile counter at 3 Damansara parking lot tomorrow, from 11am to 3pm, for renewal of business licences. Alternatively, renewal can be done online via <https://elesen.mbpj.gov.my>. Failure to renew licences by Dec 31 may result in fines or suspension of licence.
- > Kuala Lumpur City Hall is felling dying trees in stages at 30 locations to ensure public safety. Cooperation from all parties is required to adhere to signage at the worksites. For details, visit [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)
